



**KENYATAAN MEDIA  
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

**12 Mac 2020**

1. Berikutan pengesahan sebelas kes jangkitan COVID-19 semalam, Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan tersebut.
  
2. Pada hari ini, sebanyak 14 lagi kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 25 orang**. 13 orang daripada kes-kes baru ini telah didapati mempunyai kaitan dengan perkumpulan keagamaan (tabligh) di Kuala Lumpur, Malaysia.
  - Kes 12 ialah seorang lelaki tempatan berumur 53 tahun yang telah menyertai perkumpulan keagamaan (tabligh) di Kuala Lumpur, Malaysia. Beliau telah pulang dari Kuala Lumpur menaiki penerbangan Air Asia AK5644 pada 4 Mac 2020 ke Miri, Sarawak. Beliau kemudian berkongsi kenderaan bersama-sama Kes 7, Kes 8 dan Kes 21 untuk pulang ke Negara Brunei Darussalam. Beliau telah mengalami demam panas bermula pada 6 Mac 2020.
  
  - Kes 13 ialah seorang lelaki tempatan berumur 45 tahun yang juga telah menyertai perkumpulan keagamaan (tabligh) di Kuala Lumpur. Beliau telah pulang ke tanah air pada 3 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Air Asia

AK278 ke Bandar Seri Begawan (tempat duduk 19A) dan mula menunjukkan tanda-tanda jangkitan (pening dan batuk) pada 4 Mac 2020.

- Kes 14 ialah isteri kepada Kes 13 dan tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur. Beliau tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 15 ialah seorang lelaki tempatan berumur 33 tahun yang juga telah menyertai perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur. Beliau telah pulang ke tanah air pada 3 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Air Asia AK278 ke Bandar Seri Begawan dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 16 ialah seorang lelaki tempatan berumur 63 yang juga telah menyertai perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur. Beliau telah pulang ke tanah air pada 5 Mac 2020 dengan menaiki penerbangan Royal Brunei BI872 ke Bandar Seri Begawan dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 17 ialah seorang lelaki tempatan berumur 33 tahun yang juga telah menyertai perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur. Beliau telah pulang ke tanah air pada 3 Mac 2020 dengan menaiki penerbangan Royal Brunei BI874 ke Bandar Seri Begawan dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 18, berumur 30 tahun ialah isteri kepada Kes 8 dan tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur. Beliau mempunyai tanda-tanda jangkitan yang ringan (batuk dan selsema).

- Kes 19 ialah seorang lelaki tempatan berumur 34 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur di mana beliau telah ditugaskan sebagai pemandu kenderaan bagi jemaah tabligh dan tidak menyertai perkumpulan keagamaan tersebut. Beliau telah pulang ke tanah air pada 3 Mac 2020 dengan menaiki penerbangan Royal Brunei BI874 ke Bandar Seri Begawan dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 20 ialah seorang lelaki tempatan berumur 64 tahun yang juga telah menyertai perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur. Beliau telah pergi ke Kuala Lumpur pada 27 Februari 2020 dan pulang ke tanah air pada 29 Februari 2020 dengan menaiki pesawat Air Asia AK278 ke Bandar Seri Begawan. Beliau telah mula mengalami batuk dan selsema pada 9 Mac 2020.
- Kes 21 ialah seorang lelaki tempatan berumur 35 tahun yang juga telah menyertai perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur. Beliau telah pulang dari Kuala Lumpur menaiki penerbangan Air Asia AK5644 pada 4 Mac 2020 ke Miri, Sarawak. Beliau kemudian berkongsi kenderaan bersama-sama Kes 7, Kes 8 dan Kes 12 untuk pulang ke Negara Brunei Darussalam. Beliau tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 22 ialah seorang lelaki tempatan berumur 31 tahun yang merupakan rakan kerja kepada Kes 3. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan. Beliau telah menjalani ujian makmal sebagai sebahagian daripada langkah-langkah penyiasatan kontek bagi Kes 3.

- Kes 23 ialah seorang lelaki tempatan berumur 63 tahun yang telah menyertai perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur. Beliau tidak menunjukkan tanda-tanda jangkitan.
  - Kes 24 ialah seorang lelaki tempatan berumur 30 tahun yang juga telah menyertai perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur. Beliau tidak menunjukkan tanda-tanda jangkitan.
3. Dalam pada itu, Kes 25 ialah seorang lelaki tempatan berumur 64 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan Cambodia tetapi tidak ada kaitan dengan perkumpulan keagamaan yang diadakan di Masjid Jamek Seri Petaling, Kuala Lumpur. Beliau telah pulang ke tanah air pada 4 Mac 2020 dan mula merasa demam pada 8 Mac 2020.
  4. Penyiasatan kontek bagi setiap kes yang baru disahkan hari ini sedang giat dijalankan di mana kontek terdekat bagi setiap kes (termasuk ahli keluarga, rakan sekerja atau sesiapa yang ada hubungan dengan kes) akan dihubungi dan dinilai dari segi risiko jangkitan. Jika kontek-kontek ini didapati terdedah kepada kes yang telah disahkan, mereka akan diarahkan untuk menjalani ujian makmal COVID-19 dan dikurantin.
  5. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin mengemaskinikan jumlah warganegara tempatan yang telah menyertai perkumpulan keagamaan (tabligh) di Masjid Jamek Seri Petaling, Kuala Lumpur, Malaysia pada 28 Februari hingga 3 Mac 2020. Selepas penyiasatan terperinci dilakukan setakat ini, seramai 81 orang warga tempatan telah dikenalpasti menghadiri perkumpulan tersebut di mana 70

orang daripadanya telah kembali ke tanah air. 66 orang daripada mereka telah menjalani ujian makmal bagi COVID-19 dan usaha sedang digiat dilakukan untuk mengesan 4 orang lagi jemaah. Daripada 66 orang yang telah menjalani ujian makmal, 16 orang telah didapati positif bagi COVID-19, 25 orang telah didapati negatif manakala 25 lagi masih menantikan keputusan ujian. Dalam pada itu, terdapat 11 orang warga tempatan yang masih berada di luar negara, termasuk 3 orang yang sedang menuntut di Malaysia. Kementerian Kesihatan menasihatkan supaya mereka menjalani ujian makmal COVID-19 di mana saja mereka berada dengan secepat mungkin.

6. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan adalah berada di dalam keadaan yang baik dan stabil, tidak menghidap demam panas dan tidak memerlukan bantuan pernafasan.
7. Dalam pada itu, sebagaimana Kenyataan Media yang telah dikeluarkan pada 9 Mac 2020, Kementerian Kesihatan telah menghantar sampel-sampel dari lima kes pertama untuk ujian pengesahan lanjut ke *WHO Reference Laboratory* di Singapura, menurut garis panduan daripada WHO. Hasil ujian-ujian tersebut mengesahkan kelima-lima kes berkenaan adalah positif bagi COVID-19. Dengan keputusan tersebut, Negara Brunei Darussalam dibolehkan menjalankan ujian makmal bagi COVID-19 di dalam negara.

8. Untuk makluman orang ramai, pindaan telah diperkenankan kepada Kepada Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) serta peraturan-peraturanya iaitu *Infectious Diseases (Amendment of Schedule) Notification, 2020*, dan *Infectious Diseases (Quarantine) (Amendment) Regulations, 2020*.
9. Menurut Akta tersebut sesiapa yang, atau disyaki menjadi, kes, pembawa atau kontak (contact) penyakit berjangkit boleh dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan kesihatan (medical examination) ataupun rawatan perubatan samada di hospital atau mana-mana tempat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini adalah menjadi kesalahan di bawah Akta yang disebutkan di atas dan seterusnya orang berkenaan boleh diperintahkan untuk dipindahkan ke hospital atau satu tempat lain di mana beliau boleh ditahan dan, jika perlu, terpencil (isolated) sehingga pemeriksaan atau rawatan dilakukan.
10. Tambahan lagi, sesiapa yang menghalang atau membantu menghalang pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah Akta yang tersebut di atas atau peraturan-peraturan di bawahnya, atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan jika (telah) dikehendaki memberikan maklumat atau dokumen adalah menjadi kesalahan di bawah Akta yang tersebut di atas.
11. Sehubungan dengan itu, jika sabit kesalahan, boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali (kesalahan pertama). Bagi kesalahan kedua atau seterusnya, jika sabit

kesalahan boleh membawa denda sehingga \$20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

12. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2  
Tarikh : 17 Rejab 1441H / 12 Mac 2020M